

PENGLIBATAN ADAM MALIK ATAS PENUBUHAN ASEAN (1967-1977)

(Involvement of Adam Malik in the Establishment of ASEAN)

Ridayani Simanjuntak & Mohd Samsudin

ABSTRAK

Kertas ini bertujuan untuk membincangkan penglibatan Adam Malik selaku Menteri Luar Indonesia atas penubuhan *Association of South East Asian Nations* (ASEAN) yang bermula dari tahun 1967 hingga 1977. Adam Malik ialah salah seorang tokoh pengasas dari Indonesia atas terbentuknya pertubuhan Asia Tenggara atau sering disebut dengan ASEAN. Tujuan kertas ini adalah untuk menilai sejauh mana penglibatan Adam Malik ke atas penubuhan ASEAN, di mana pertubuhan ini sebagai tonggak pemerhati ke-lima negara yang berjiran untuk dapat menyelesaikan masalah-masalah regional sesama Asia Tenggara demi mewujudkan keamanan serantau. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan sumber-sumber primer. Adam Malik berperan penting mempengaruhi Kerajaan Indonesia untuk ikut serta dalam penubuhan ASEAN kerana kecurigaan dalam kalangan Presiden Soeharto amat tinggi dalam menubuhkan pertubuhan ini.

Kata Kunci : Adam Malik, ASEAN, terlibat, pengasas, Indonesia-Malaysia

ABSTRACT

This paper aims to discuss the involvement of Adam Malik in his capacity as Foreign Minister of Indonesia upon the establishment of the Association of South East Asian Nations (ASEAN) starting from 1967 to 1977. Adam Malik was one of the founding figures of Indonesia on the formation of the Association of the Southeast Asia or often referred to by ASEAN. The purpose of this paper is to assess the extent of the involvement of Adam Malik over the establishment of ASEAN, where this establishment as pillars of observers to five neighbouring countries-to be

able to solve regional problems among Southeast Asia in order to establish peace in the region. This study uses qualitative methods with the use of primary sources and use of secondary sources. Adam Malik had an important role to influence the Indonesian Government to follow as well as in the establishment of ASEAN because of suspicions among President Soeharto was very high in the establishment of this association.

Keywords: Adam Malik, ASEAN, the roles, creator, Indonesia-Malaysia

PENGENALAN

Adam Malik dan *Association of South East Asian* (ASEAN) seperti tidak dapat dipisahkan. Adam Malik sendiri mengakui di beberapa tulisannya seperti dalam autobiografi beliau yang menyatakan bahawa membincangkan mengenai ASEAN sangat menyeronokkan kerana eksistensi daripada ASEAN itu sendiri sangat dihayati betul oleh beliau. Di mana para Menteri Luar dari negara Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura bersatu dalam mengisyiharkan perhimpunan regional atau serantau dengan tujuan harus mampu menampung dan memecahkan persoalan terutama persoalan yang melibatkan kelima negara tersebut. Selain itu Adam Malik menilai perkembangan pokok di bidang politik dan ekonomi dunia juga sebagai alasan pembentukan satu badan regional khusus untuk Asia Tenggara yang harus dapat menampung dan menyerap ke arah yang lebih baik terhadap kedua perkembangan tersebut. Penubuhan ASEAN ini juga diharapkan dapat mewujudkan kesejahteraan dan kerukunan di peringkat Asia Tenggara.¹ Penubuhan ini juga diharapkan boleh mencapai stabilisasi ekonomi di Asia Tenggara serta kerjasama di bidang kebudayaan dan sosial yang merupakan faktor penentu bagi keamanan kepada Asia Tenggara.²

Adam Malik ialah seorang Menteri Luar selama 11 tahun pada masa orde baru yang juga pernah menjadi wartawan, revolucioner, ahli politik ternama, dan seorang negarawan.³ Adam Malik pernah bergabung dengan parti yang berhaluan kiri yang dipimpin oleh Tan Malaka. Hingga akhirnya Adam Malik dilantik sebagai Duta Besar Indonesia untuk Soviet Union dan Poland pada 1959-1962. Selepas selesainya Adam Malik memangku jawatan sebagai Duta Besar, Howard Palfrey Jones, seorang Duta Besar Amerika untuk Indonesia periode 1958-

1965 menuliskan dalam buku autobiografinya yang bertajuk *Indonesia : the Possible Dream* beliau menghuraikan bahawa Adam Malik sempat menemui beliau dan Adam Malik menyatakan “*if I had ever been inclined toward Communism, my service in the Soviet Union would have convinced me that this was not the path that Indonesia should follow*”. Dalam pernyataan tersebut dilihat Adam Malik menilai bahawa Komunisme bukan jalan yang terbaik untuk diaplikasikan di Indonesia.

Selama menjawat selaku Menteri Luar itu juga Adam Malik banyak melakukan hal-hal yang membawa nama baik Indonesia ke dunia Antarabangsa. Begitu juga sebelum penubuhan ASEAN. Terjadinya dasar konfrontasi antara Indonesia dengan Malaysia juga merupakan peranan Adam Malik dalam mendamaikan kedua negara tersebut. Hal tersebut dapat ditelaah dalam kutipan pendapat Tun Razak yang mengatakan bahawa “Des Alwi yang menjambatani hubungan awal kedua negara tersebut (Indonesia dan Malaysia) namun Adam Malik yang meneruskan hubungan baik semata-mata untuk menyelesaikan konfrontasi tersebut.⁴ Perpecahan antara dua negara yang serumpun ini menjadikan Adam Malik dan berniat untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai satu kesatuan yang utuh. Tiga tahun lamanya terjadi *pengganyangan* kepada Malaysia dilakukan pada masa orde lama di bawah Pemerintahan Soekarno.

Konfrontasi Indonesia-Malaysia yang telah berlangsung selama tiga tahun dihentikan dengan ditandai berdasarkan persetujuan penandatanganan pada tarikh 11 Ogos 1966 sebagai hasil persidangan bulan Jun di Bangkok. Dalam perjanjian yang ditandatangani di Jakarta dinyatakan bahawa kedua Kerajaan bersetuju untuk menyelenggarakan pilihan raya di Sabah dan Serawak dalam masa yang cepat secara bebas untuk memberi kesempatan kepada rakyat kedua daerah tersebut menentukan kedudukannya. Dengan itu, hubungan diplomatik antara kedua negara tersebut Indonesia dan Malaysia akan segera dilaksanakan dengan di adakannya pertukaran perwakilan diplomatik.⁵

PENUBUHAN ASEAN

Keadaan peringkat antarabangsa merupakan sebab utama dalam merumuskan politik luar Indonesia. Seperti keadaan perang dingin yang meliputi dunia telah menimbulkan krisis-krisis

yang berbahaya, misalnya krisis Berlin tahun 1961 dan krisis peluru kendali di Cuba tahun 1962. Kekuatan negara-negara berkembang nampak dalam badan-badan antarabangsa baik di dalam maupun di luar Bangsa-Bangsa Bersatu dan keputusan-keputusannya terutama dalam lapangan ekonomi tidak lagi dapat diabadikan oleh negara-negara besar. Adam Malik menghuraikan latar belakang pertumbuhan ASEAN. Beliau menilai ada dua penyebab utama dalam menyebabkan pertumbuhan serantau tersebut, iaitu:

1. Perkembangan Politik Dunia

Perkembangan politik dunia menjadi salah satu kesan yang menimbulkan pengasingan di beberapa negara juga balkanisasi dalam bermacam-macam-macam unit politik berjalan tidak mendadak tetapi dengan kelajuan menurut berjaya tidaknya atau lambat cepatnya perjuangan petak-petak politik itu untuk membebaskan diri dari penjajahan Negara-negara Eropah. Untuk Indonesia sendiri, pada tahun 1950 Indonesia muncul sebagai Negara yang merdeka dan berdaulat dan kemudi Indonesia tercatat sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu masih memerlukan masa yang cukup lama untuk menambah keanggotaannya. Kerana selepas perang dunia II, negara-negara Eropah tidak rela untuk melepaskan daerah-daerah jajahannya di Benua Asia, Afrika dan Amerika Latin untuk menjadi negara-negara yang merdeka dan berdaulat.

2. Perkembangan Ekonomi Dunia

Semasa perang dunia II, kemajuan teknologi dapat dicapai oleh negara-negara barat yang telah membawa ekonomi jauh melampaui batas-batas Negara. Perkembangan ini telah memaksa negara-negara bekas jajahan yang masih berada di luar arus ekonomi dunia untuk memulakan perindustrian, menaikkan eksport dan menggiatkan lain-lain usaha untuk memasuki rangkaian ekonomi antarabangsa.⁶

Oleh kerana itu, dua perkembangan pokok di bidang politik maupun di bidang ekonomi dunia, pada tahun 1966 telah membawa Indonesia kepada pemikiran dan mengusulkan agar dibentuk sebuah perhimpunan kerjasama regional atau serantau di Asia Tenggara. Menteri Luar

Filipina Narciso Ramos memberikan pujian atas daya usaha Indonesia untuk mengadakan kerjasama regional atau serantau yang baharu. Hal ini penting justeru Indonesia yang mengambil daya usaha mengingat bahawa Indonesia pernah terasing daripada negara-negara jiran di Asia.⁷ Indonesia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia dan Singapura.

Pada masa yang sama, kabinet Inti Dwikora memaklumkan bahawa hubungan Indonesia-Singapura akan dipulihkan kembali dalam masa yang singkat. Dalam sebuah surat yang disampaikan kepada Menteri Luar Indonesia Adam Malik, yang telah disiarkan kepada pers pada Isnin, 06 Jun 1966 di Singapura iaitu kurang lebih dari dua bulan setelah diputuskan untuk memulihkan hubungan Indonesia-Singapura oleh pihak kerajaan Indonesia. Wakil Perdana Menteri Singapura Dr. Toh Chin Chye menyatakan bahawa Kerajaan Singapura memutuskan untuk mengakui Indonesia dan menyetujui diadakannya pertukaran wakil-wakil diplomatik. Atas pemberitaan tersebut Perdana Menteri Malaysia Tunku Abdul Rahman yang semula menentang keputusan Singapura untuk membuka hubungan dengan Indonesia telah menyatakan kegembiraannya. Langkah tersebut dinilai sebagai langkah menuju perdamaian dan keamanan serantau di Asia Tenggara. Perubahan sikap Tunku Abdul Rahman dinyatakan kerana hasil persetujuan Bangkok antara Malaysia-Indonesia untuk mengakhiri konfrontasi yang telah berlangsung pada awal Jun. Tunku Abdul Rahman juga menambahkan bahawa akan lebih baik apabila pembukaan hubungan diplomatik antara Indonesia, Malaysia dan Singapura dapat dilakukan secara serentak.⁸

Sebelum pembentukan kerjasama tersebut, Adam Malik menegaskan bahawa Indonesia menentang tentera Amerika Syarikat di kawasan Asia Tenggara, dan beliau berharap hal ini tidak akan menjadi cabaran bagi usaha dan upaya dalam pembentukan Pertubuhan baharu bagi kerjasama serantau Asia.⁹ Selepas pembahasan secara mendalam dalam suasana persahabatan, berhasil disusun suatu komunike bersama yang disebut sebagai “DEKLARASI ASEAN” yang pada maknanya berisi :

1. Kerjasama serantau tersebut diberi nama *Association South East Asian Nations* (ASEAN).

2. Konferensi peringkat Menteri Luar anggota ASEAN diadakan setiap tahun secara bergiliran di Ibu kota Negara-negara ASEAN.
3. Pertubuhan tersebut bertujuan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan di Asia Tenggara mencapai masyarakat Asia Tenggara yang makmur dan damai.
4. Mendorong kerjasama aktif untuk mencapai perdamaian dan kestabilan dengan jalan menghormati keadilan, tata hukum hubungan antar negara dan berpegang teguh kepada Asas Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.
5. Dicantumkan dalam mukadimah bahawa semua pangkalan asing di daerah Asia Tenggara bersifat sementara dan hanya masih ada kerana negara yang bersangkutan menginginkannya. Pangkalan asing tersebut tidak digunakan untuk menggulingkan kemerdekaan dan kebebasan Nasional negara-negara di Asia Tenggara, baik secara langsung maupun tidak langsung juga tidak mengganggu proses ketertiban perkembangan Nasional masing-masing negara.
6. Kerjasama serantau baharu tersebut dilakukan atas dasar semangat sama tinggi kedudukan dan perkongsian.
7. Sebagai pelengkap mekanisme pertubuhan dibentuk suatu *Standing Committee* di bawah pimpinan Menteri Luar di mana *Standing Committee* berada dengan anggota-anggotanya terdiri daripada duta-duta besar negara-negara anggota lainnya, dibentuk pula *Ad Hoc Committee* dan *Permanent Committees* untuk bidang-bidang tertentu dan Sekretariat Nasional di masing-masing negara sebagai pelaksana harian Pertubuhan dan mempersiapkan sidang-sidang tahunan para Menteri Luar, sidang *Standing Committee* maupun *Permanent Committees*.
8. ASEAN terbuka kesempatannya kepada negara-negara yang terletak secara geografi di daerah Asia Tenggara.
9. *Standing Committee* memiliki tugas menjalankan pekerjaan pertubuhan untuk jangka masa dua konferensi tahunan.¹⁰

Dengan berhasil dirumuskannya “Deklarasi ASEAN” tersebut maka diharapkan pula hubungan diplomatik Indonesia dengan Malaysia dan Singapura dalam masa dekat akan dapat dipulihkan.¹¹ Berdasarkan Deklarasi ASEAN terbentuk sebuah pertubuhan. Pertubuhan ini mengikat sebuah kerjasama serantau demi perdamaian, kemerdekaan dan kemakmuran. Pertubuhan ini juga harus bersifat non politik dan non militer, hal ini hanya dapat terjadi dengan perginya pasukan asing

yang berada di Asia Tenggara. Pertubuhan yang bersifat non politik dan non militer bermakna bahawa pertubuhan ini tidak akan membincangkan persoalan politik dan melibatkan negara-negara di Asia Tenggara. Sedangkan non militer, ASEAN dibentuk di luar daripada tugas-tugas militer. Indonesia pasti akan menolak apabila kerjasama yang akan dibentuk mempunyai salah satu tujuan untuk meningkatkan ASEAN menjadi persekutuan Asia Tenggara yang mengambil alih tugas-tugas militer *The Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO). Indonesia mempunyai dua faktor utama, iaitu (1) Memberikan ciri militer atau persetujuan militer kolektif di dalam ASEAN akan lebih banyak merugikan perjuangan Orde Baharu sendiri di Indonesia kerana ASEAN sebagai perkhidmatan tentera maka Orde Lama di Indonesia akan menjadikannya sebagai sasaran baharu untuk perang gerila orde baharu; (2) negara-negara anggota ASEAN lainnya sudah mengadakan komitmen militer secara bilateral dengan negara-negara besar oleh kerana itu tidak perlu Indonesia harus bersedia ditarik melibatkan diri dengan perjanjian militer. Diperingatkan pula bahawa pengalaman dalam sejarah membuktikan bahaya persekutuan militer. Hendaknya Indonesia tidak mengembalikan posisi seperti di sekitar tahun 1952 di mana Indonesia mengadakan komitmen militer dengan Amerika Syarikat dalam rangka *Mutual Security Act* (MSA), dan berakibat kabinet jatuh segera setelah MSA dibawa kerana majoriti rakyat Indonesia menyatakan kekhawatirannya atas perjanjian militer Indonesia dengan negara besar lainnya.¹²

Pada masa itu juga diadakan perbincangan dengan mesyuarat antara petinggi-petinggi di Asia Tenggara, yang pada akhirnya diadakan kesepakatan untuk mengadakan perbincangan pada tarikh 5-8 Ogos 1967 tepatnya di pesisir Bangsaen lebih kurang 50 mil dari Bangkok.¹³ Ada lima negara di Asia Tenggara, iaitu Indonesia, Malaysia, Thailand, Singapura, dan Filipina. *Association South East Asian Nations* (ASEAN) diisytiharkan di Bangkok pada tarikh 8 Ogos 1967. Pertemuan dari lima negara antara lain :

Indonesia diwakili oleh Adam Malik selaku Menteri Luar

Malaysia diwakili oleh Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri

Filipina diwakili oleh Narciso Ramos selaku Menteri Luar

Thailand diwakili oleh Thanat Khoman selaku Menteri Luar

Singapura diwakili oleh Rajaratnam selaku Menteri Luar

Dengan adanya keempat Menteri Luar dan satu Timbalan Perdana Menteri tersebut, terbentuk lah ASEAN. Pertemuan pertama yang berlangsung dengan suasana kekeluargaan dengan niat yang bulat. Dengan tujuan untuk mengikat negara masing-masing ke dalam satu kerjasama regional demi perdamaian, kemerdekaan dan kemakmuran.

Kelima perwakilan tersebut disebut sebagai pengasas Deklarasi Bangkok. Kelima pengasas Deklarasi Bangkok berpendapat bahawa negara-negara di Asia tenggara harus memikul sesama tanggung jawab untuk memperkuat dan membina kestabilan ekonomi dan sosial kawasan tersebut. Selain itu, juga berkewajiban untuk menjamin berkembangnya pembangunan nasional dengan aman. Adam Malik memaparkan dalam tulisan autobiography nya bahawa kelima pengasas idea ASEAN tersebut juga bertekad untuk menjaga kestabilan dan keamanan kawasan daripada segala cabaran daripada luar dalam bentuk apa pun, untuk memelihara masing-masing keperibadian nasional.¹⁴ Dalam Deklarasi Bangkok tersebut kelima pengasas itu menandaskan bahawa ASEAN membuka pintu bagi semua negara-negara di kawasan Asia Tenggara untuk memasuki ASEAN dengan ketentuan harus menghormati dan tunduk kepada tujuh pokok strategi yang dicetuskan dalam Deklarasi Bangkok. Strategi yang lebih mengarah ke sederhana dan terkendali dan tidak bersifat perbalahan sehingga dapat diharapkan akan mudah dapat diterima oleh negara-negara lain di lingkungan Asia Tenggara juga negara-negara maju lainnya.

Adam Malik di dalam autobiografinya juga menghuraikan susunan Deklarasi Bangkok yang menjadi landasan kerjasama bagi ASEAN, mengedepankan usaha bersama untuk :

1. Mempercepat pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan di kawasan ASEAN atas kegiatan-kegiatan bersama yang dipupuk oleh rasa perdamaian rumpun bangsa Asia Tenggara.
2. Memajukan perdamaian dan kestabilan regional dengan memegang teguh asas hukum dan keadilan yang mengikat rumpun tersebut serta menghormati prinsip-prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Charter*).
3. Memajukan kerjasama yang aktif dan saling membantu di bidang ekonomi, sosial, kebudayaan, teknik ilmu pengetahuan dan administrasi.

4. Memberikan bantuan satu sama lain untuk mempermudah penyelidikan di bidang pendidikan, keahlian, teknik dan administrasi.
5. memajukan kerjasama yang lebih efektif guna memperluas bidang pertanian dan industri serta meningkatkan jumlah perniagaan mereka semasa mempelajari permasalahan perdagangan komoditi international dan juga untuk memperbaiki taraf hidup rakyatnya.
6. Memajukan Pendidikan di Asia Tenggara.
7. Memupuk hubungan erat yang saling menguntungkan dengan lain-lain badan antarabangsa dan regional yang mempunyai persamaan tujuan sejalan dengan usaha untuk lebih mempercepat hubungan di antara kelima negara ASEAN.¹⁵

Adam Malik memberikan huraian ketika menghadiri pertemuan lima negara Asia Tenggara. Beliau mengatakan bahawa negara-negara lain boleh ikut serta memberikan tenaga dan kekuatan kepada Persekutuan yang akan dibentuk. Berbincang mengenai batas-batas geografi serta persoalan yang terperinci dari persekutuan yang akan dibentuk dikatakan bahawa hal tersebut akan ditetapkan dalam perundingan yang berlangsung.¹⁶

Dengan terlaksananya penubuhan ASEAN ini ada banyak tanggapan dan komen daripada negara-negara luar terutama akhbar di Asia Tenggara sendiri. Salah satu akhbar di Malaysia memberikan perhatian dan menyatakan harapan agar segera dipulihkannya hubungan diplomatik formal antara Indonesia-Malaysia. Akhbar Straits Times menuliskan, bahawa hubungan bilateral yang terlalu dibatasi oleh Dr. Soebandrio dahulunya telah berganti dengan politik luar Indonesia berdasarkan kerjasama serantau yang diaplikasikan oleh Adam Malik. Hubungan bilateral penting tetapi kurang efektif. Politik luar Indonesia bebas aktif dan anti kolonialisme harus diimplementasikan dalam watak yang dinamik dan kreatif atas dasar rasional dan pragmatis sebagaimana yang telah dicerminkan dalam politik Adam Malik dengan pembentukan ASEAN.

INDONESIA DAN IDEA ASEAN

Adam Malik menilai bahawa masa orde lama mengambil haluan demokrasi terpimpin pada tahun 1959. Presiden Soekarno melancarkan gerakan *nation-building* dan pengambil Irian ke Indonesia. Pembangunan ekonomi pada zaman Presiden Soekarno belum dapat dilaksanakan

sepenuhnya selama *nation-building* belum selesai dan Irian Barat belum kembali ke Indonesia. Dalam bidang politik dengan melaksanakan sistem demokrasi Pancasila sudah berhasil mencapai kestabilan penghidupan politik melalui dua kali pilihan raya. Maka melalui proses ini jumlah parti politik terlalu melampaui batas dikecilkkan menjadi dua parti politik sahaja dan satu golongan karya.¹⁷

Sedangkan pada zaman orde baharu mengambil haluan demokrasi Pancasila untuk membangun Indonesia dan memerangi kemelaratan juga kebodohan sesuai dengan pelaksanaan pokok kelima daripada Pancasila iaitu keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia. Pada masa Presiden Soeharto keadaan dan situasi di Indonesia khususnya dan di dunia umumnya memberi cukup peluang bagi Indonesia untuk menangani secara serius pokok kelima daripada Pancasila itu. Tetapi sila kelima daripada Pancasila mengarahkan Indonesia menuju masyarakat adil dan makmur walau banyak cabaran. Tidak ada petunjuk yang definitif dapat dipakai sebagai pegangan untuk mempercepat langkah mencapai masyarakat adil dan makmur.¹⁸ Howard Palfrey Jones dalam bukunya juga menghuraikan mengenai orde baharu, di bawah kepemimpinan Presiden Soeharto Indonesia tercatat sebagai negara luar biasa. Untuk Amerika Syarikat sendiri, kesan daripada zaman orde baharu tersebut jauh lebih menunjukkan sikap mesra. Hal di atas merupakan kekalahan besar untuk Moskow dan Peking di mana telah banyak mempengaruhi Parti Komunis Indonesia.¹⁹

Setelah Kerajaan orde lama digantikan oleh orde baharu, semua sistem Kerajaan baik asas yang tertulis di dalam mahupun di luar Kerajaan mengalami perubahan dan khususnya harus memperbaiki keadaan Kerajaan baik dalam bidang politik, ekonomi, sosial terutama dalam konsep keserantauan dengan Malaysia, Singapura. Pada masa orde baharu, peranan Adam Malik memang sangat berpengaruh dalam memajukan bangsa dan kerajaan. Adam Malik yang diisyiharkan sebagai Menteri Luar Indonesia menjalankan politik luar negeri bebas aktif. Dasar daripada pelaksanaan politik luar negeri Indonesia tertuang dan tertulis pada Pembukaan Undang-Undang alinea ke I dan ke IV. Pada alinea pertama iaitu “...kemerdekaan adalah hak segala bangsa dan oleh sebab itu maka penjajahan di atas dunia harus dihapuskan kerana tidak sesuai dengan peri kemanusiaan dan peri keadilan” selanjutnya pada alinea IV dinyatakan bahawa “...dan ikut melaksanakan ketertiban dunia berdasarkan kemerdekaan, perdamaian

abadi dan keadilan sosial”. Berdasarkan kutipan di atas, jelas bahawa politik luar negeri yang dianut dan diaplikasikan oleh Kerajaan telah disusun dan diatur di dalam pembukaan Undang-Undang Dasar 1945.

Politik luar negara yang bebas dan aktif bukan suatu asas yang baharu, akan tetapi satu asas yang lahir hampir bersamaan dengan kemerdekaan Indonesia. Konsepsi politik luar negara bebas dan aktif sebagai etika dalam menjalin hubungan dan pergaulan dengan negara-negara lain, tampaknya sudah tersimpan dalam benak pemimpin-pemimpin Indonesia ketika menyongsong lahirnya kemerdekaan. Satu etika yang akan dapat menjamin kepentingan nasional kita di satu pihak, dan yang akan memberi keleluasaan gerak dalam usaha meningkatkan perdamaian dunia di lain pihak. Etika bebas aktif tidak hanya diterapkan dan diaplikasikan dalam hubungan politik luar akan tetapi juga dalam hubungan ekonomi luar yang dilakukan awal era pembangunan. Dasar falsafah negara iaitu Pancasila dan Undang-Undang Dasar '45 menjadi pedoman supaya menjalankan politik luar negara yang bebas dan aktif.²⁰

Pelaksanaan perintah daripada Pengetua Kabinet Ampera 15 Ogos 1966 Bab IV-sub bidang luar negara fasal C tentang pedoman kerja kabinet Ampera yang berbunyi : “*Mengusahakan kerjasama serantau Asia Tenggara dalam erti yang luas untuk mencapai stabilisasi*”. Hal yang serupa juga dihuraikan oleh Presiden Soeharto dalam pidato kenegaraan di depan DPR-GR pada tarikh 16 Ogos 1967 yang mengatakan kerjasama regional atau serantau di Asia Tenggara merupakan usaha yang nyata ke arah penciptaan peri kehidupan yang mantap, aman, selesa, dan maju di belahan dunia baik di bidang ekonomi, sosial mahupun kultur, juga politik berjiran dan hidup berdampingan secara damai, diisi dengan politik *gotong-royong* dan kerjasama yang erat dan menguntungkan tanpa syarat-syarat yang dapat merugikan kepentingan nasional kita dan terlepas daripada sistem politik yang dianut masing-masing. Dengan demikian bangsa-bangsa Asia Tenggara, baik perseorangan mahupun secara kumpulan dapat membangun untuk mencapai kemajuan bagi menciptakan masyarakat yang adil, makmur baik di negara masing-masing mahupun di lingkungan Asia Tenggara.²¹

Pembentukan ASEAN telah mendapatkan sambutan baik di Kuala Lumpur. Pembentukan ASEAN diharapkan dapat mempercepat pulihnya hubungan diplomatik Indonesia-Malaysia,

kerana Malaysia mengkhawatirkan tertundanya pemulihan hubungan diplomatik tersebut yang mengakibatkan masuknya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memecahkan kembali hubungan kedua negara ini.²² Menteri Luar Indonesia Adam Malik telah diajukan banyak pertanyaan daripada media di Singapura mengenai pemulihan hubungan Indonesia dengan Malaysia dan Singapura tersebut. Aktiviti perniagaan, telekomunikasi dan kebudayaan antara Singapura dan Indonesia sudah berjalan dengan baik.²³ Hal ini bererti bahawa pembukaan hubungan diplomatik hanyalah sekadar formaliti sahaja. Pegawai-pegawai rasmi dari Singapura dapat memberi pemahaman sebab lambatnya dalam menormalkan hubungan diplomatik tersebut, kerana Indonesia terikat kepada persetujuan Bangkok awal bulan Jun dengan Malaysia, di mana hubungan diplomatik dinyatakan akan dilakukan setelah pilihan raya di Serawak selesai dilaksanakan. Walaupun sebetulnya tidak ada kaitannya dengan Singapura sebagai negara yang merdeka dan berdaulat, tapi sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan Othman Wok dinyatakan bahawa dapat difahami apabila hubungan diplomatik Indonesia-Singapura dan Indonesia-Malaysia akan dibuka bersamaan waktunya. Pada 10 Ogos 1967, Adam Malik juga memberikan hujahan mengenai persoalan tersebut yang menyatakan bahawa hubungan tersebut dapat dipercepat namun tidak dijelaskan lebih lengkap faktor apa sahaja yang boleh mempercepat kembali hubungan tersebut.²⁴

Komite Nasional *World Assembly of Youth* (WAY) Indonesia menyatakan kegembiraannya dan menyambut hangat lahirnya ASEAN. Dinilai penubuhan ASEAN ini sebagai mencerminkan pendirian politik Indonesia yang bebas aktif dan memberikan penghargaan atas usaha Adam Malik untuk meyakinkan negara-negara di Asia Tenggara lainnya mengenai tidak perlunya pangkalan-pangkalan asing dipertahankan di wilayah Asia Tenggara. WAY berpendapat bahawa dengan adanya pangkalan-pangkalan asing dipertahankan di wilayah Asia Tenggara akan lebih mengundang perhatian negara-negara komunis, memberikan alasan kepada mereka untuk terus mengkritik dan mensubversi. Negara-negara Asia Tenggara diharapkan agar berjuang bersama melenyapkan pangkalan-pangkalan militer asing.²⁵

Pada mulanya pembentukan ASEAN dipusatkan dalam usaha-usaha dalam kegiatan ekonomi, namun sejalan dengan perubahan-perubahan dalam politik dunia melihat bahawa persoalan politik tidak dapat diabaikan. ASEAN ditubuhkan di Asia Tenggara di masa

penderitaan, kemiskinan dan kebodohan yang tinggi kesan daripada pertentangan kepentingan ekonomi dan dasar konfrontasi daripada ideologi politik. Oleh sebab itu, dalam pertumbuhannya ASEAN selalu berusaha menjauhkan diri daripada persoalan politik negara-negara di luar Asia Tenggara. Harapan-harapan tersebut bersifat positif, optimis dan membawa ke arah yang baik. Kemajuan dan kesejahteraan ASEAN juga menjadi harapan kepada pertubuhan tersebut, sesuai dengan ucapan daripada Tun Razak

“Keamanan, kemajuan dan kesejahteraan Asia Tenggara pertama-tama harus menjadi tanggung jawab kita semua dan kita harus bersedia untuk memikul tanggung-jawab itu bersama-sama. Hanya dengan kerjasama serantau semacam itu dapatlah kita menjamin keamanan, kestabilan dan kenetralan negara-negara kita daripada segala macam cabaran dan campur tangan kekuatan asing”.

Menurut harian Jepun Tokyo Shimbun menuliskan bahawa pulihnya hubungan diplomatik tersebut merupakan kemenangan diplomatik Adam Malik. Adam Malik telah berhasil membekukan politik Soekarno yang berlandaskan poros Peking-Hanoi-Phnompenh-Jakarta. Dengan peranan yang dimainkan Adam Malik dalam pembentukan ASEAN juga telah berhasil mengoreksi kesalahan-kesalahan pada masa lampau dengan politik yang realistik dan idealis. Tugas yang harus dijalankan Adam Malik adalah memperkuat diplomasi Indonesia dan menjayakan ASEAN.²⁶ Namun, pada akhirnya tarikh 1 Oktober 1977, Adam Malik harus memangku tugas baharu sebagai ketua MPR/DPR. Dengan berat hati Adam Malik terpaksa melepaskan kegiatan yang berhubungan langsung dengan ASEAN.²⁷ Adam Malik, telah mengubah citra politik Indonesia yang ambisius menjadi politik yang kooperatif, konstruktif dan saling menghormati kedaulatan. Prinsip ini, menjadi landasan bagi pengembangan cara Indonesia dan Malaysia dan kemudian juga bagi negara-negara ASEAN dalam menyelesaikan masalah-masalah dan tantangan masa mendatang baik yang bersifat bilateral maupun yang bersifat multilateral. Aspek inilah yang telah merintis jalan kearah kerjasama yang lebih erat di antara Indonesia-Malaysia dalam berbagai bidang seperti pendidikan, politik, keamanan dan ekonomi pada era Adam Malik hingga saat ini.²⁸

KESIMPULAN

Keterikatan batin antara Adam Malik dengan ASEAN memang tidak dapat dipisahkan. Penubuhan dan lahirnya ASEAN bersama dengan kelima negara yang memiliki tujuan yang serupa menjadikan pertubuhan ini layak diperhitungkan di mata dunia. Dengan berlatar belakang terjadinya konfrontasi Indonesia dan Malaysia menjadikan Adam Malik dan Kerajaan orde baru membuat sebuah asas untuk membuat sebuah pertubuhan yang menyatukan negara-negara di Asia Tenggara. Hingga jadilah Indonesia, Malaysia, Thailand, Filipina, dan Singapura mengisyiharkan penubuhan ASEAN dengan adanya deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967. Penghayatan Adam Malik dalam perjalanan ASEAN beberapa tahun itu harus terhenti pada tahun 1977, kerana beliau diangkat sebagai ketua MPR/DPR itu ertinya beliau harus melepaskan seluruh kegiatan beliau yang berhubungan langsung dengan ASEAN. Namun, Adam Malik sempat mengemukakan kebanggaan beliau terhadap ASEAN yang merupakan satu persekutuan rukun tetangga pertama yang daripada berbagai-bagai bangsa yang berlandaskan oleh kepentingan bersama bukan hanya secara sepihak yang juga akan memberikan bantuan kedamaian kepada pergaulan bangsa-bangsa sedunia.

NOTA

¹ Leifer, Micheal, *Asean and the security of South-East Asia* (New York : Routledge, 1990) hlm vii.

² Akhbar Antara, 31 Ogos 1967

³ Orde baru adalah masa kerajaan Presiden Soeharto di Indonesia. Orde baru menggantikan orde lama yang merujuk kepada era kerajaan Soekarno. Orde baru berlangsung dari tahun 1966 hingga 1988. Presiden Soeharto memulai orde baru dalam dunia politik Indonesia dan mengubah kebijakan dalam negara dan luar. Orde baru mampu membangun ekonomi nasional tetapi tidak mampu meningkatkan taraf pendidikan dan kesejahteraan rakyat. Ricklef, *Sejarah Indonesia Modern 1200-2008* (Serambi: Jakarta, 2008) hlm 587-8.

⁴ Paridah Abd Samad, *A Political Biography, a Phenomenon in Malaysian Politics* (Kuala Lumpur : Affluent Master Sdn. Bhd, 1988) hlm 39.

⁵ Akhbar Antara, 11 Ogos 1966.

⁶ Adam, Malik, *Mengabdi Republik jilid III* (Jakarta: PT Gunung Agung, 1978) hlm 78-80)

⁷ Harian Antara, 4 Ogos 1967.

⁸ Harian Antara, 07 Jun 1966.

⁹ Adam, Malik, *Mengabdi Republik jilid III* (Jakarta: PT Gunung Agung, 1978) hlm 81.

¹⁰ Harian Antara, 09 Ogos 1967.

¹¹ ibid.

¹² Harian Antara, 25 Ogos 1967.

¹³ Indonesia berusaha mengajak Birma dan Kamboja, namun kedua negara tersebut telah menolak. sila rujuk, Harian Antara, 4 Ogos 1967. Selanjutnya, Kerajaan Birma menanggapi rencana kerjasama serantau Asia Tenggata menyatakan bahawa mereka tidak menentang proyek tersebut, namun Birma tidak dapat ikut serta menjadi anggotanya berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tertentu. Sedangkan Kamboja berpendirian bahawa pada masa itu Kamboja tidak ingin ikut serta dalam usaha-usaha serantau apa pun di mana Muangthai ikut serta secara aktif. Sebaliknya pegawai-pegawai di Muangthai berpendapat bahawa tanpa ikut sertanya Birma dan Kamboja maka kelima negara di Asia Tenggara tersebut akan lebih mampu membentuk suatu pertubuhan yang sanggup menghadapi pasaran-pasaran dunia bagi kepentingan hasil-hasil utamanya seperti kayu, minyak, tapioka, karet, beras, kopra, jagung dan seragoni dan akan saling membantu dalam pembangunan ekonomi. Sila rujuk Harian Antara, 21 Julai 1967.

¹⁴ Adam, Malik, *Mengabdi Republik jilid III* (Jakarta: PT Gunung Agung, 1978) hlm 80-1).

¹⁵ Dokumentasi, ASEAN dalam Berita, Harapan dan Kenyataan 1967-1977 (Jakarta : Centre For Strategic and International Studies (CSIS), 1978) hlm 562.

¹⁶ Harian Antara, 4 Ogos 1967

¹⁷ Adam, Malik, *Mengabdi Republik jilid II* (Jakarta: PT Gunung Agung, 1978) hlm 12.

¹⁸ ibid.

¹⁹ Jones, Howard Palfrey, *Indonesia : the Possible Dream* (Singapore : Ayu Mas PTE.LTD, 1977) hlm 403.

²⁰ Adam Malik, *Mengabdi Republik jilid III* (Jakarta: PT Gunung Agung, 1978) hlm 91.

²¹ Harian Akhbar Antara, 21 Ogos 1967.

²² Harian Akhbar Antara, 12 Ogos 1967.

²³ Bahkan pada peringatan hari kemerdekaan Singapura yang ke-II Indonesia telah mengirimkan olahragawan-olahragawannya dan sejumlah 72 orang dalam melakukan perjalanan dinas kesenian akan berkunjung ke Singapura untuk menampilkan beberapa pertunjukan seni Indonesia. Sila rujuk Harian Antara, 11 Ogos 1967.

²⁴ Harian Antara, 11 Ogos 1967

²⁵ Ibid

²⁶ Harian Antara, 31 Ogos 1967.

²⁷ Malik, Adam, *Mengabdi Republik jilid III* (Jakarta: PT Gunung Agung, 1978) hlm 88.

²⁸ Menurut Prof Madya Dr. Mohamed Mustafa Ishak Dekan Fakultas Pengajian Antarbangsa Universitas Utara Malaysia, pada acara Annual Lecture "Mengenang Tokoh Diplomasi Adam Malik Apresiasi Perjalanan 50 Tahun Hubungan Diplomatik Indonesia-Malaysia" di Medan, Sabtu 24 Februari 2007.

RUJUKAN

Sumber Primer

Naskhah, tulisan tangan Adam Malik mengenai Diplomasi Penyelesaian Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963

Harian Antara, 7 Jun 1966.

Harian Antara, 4 Ogos 1966

Harian Antara, 9 Ogos 1966.

Harian Antara, 11 Ogos 1966.

Harian Antara, 12 Ogos 1966.

Harian Antara, 21 Ogos 1966.

Harian Antara, 25 Ogos 1966.

Harian Antara, 31 Ogos 1966.

Malik, Adam. 1980. *In the Service of the Republic*. Jakarta : PT. Gunung Agung
ibid. 1977. *Mengabdi Republik Jilid I*. Jakarta PT. Gunung Agung

ibid. 1978. *Mengabdi Republik Jilid II*. Jakarta PT. Gunung Agung

ibid. 1979. *Mengabdi Republik Jilid III*. Jakarta PT. Gunung Agung

Sumber Sekunder

- Anwar, Dewi Fortuna. 1994. *Indonesia in ASEAN, foreign policy and regionalism*. New York: ST.Martin's Press
- Brackman, Arnold C. 1966. *Southeast Asia's Second Front : the Power Struggle in the Malay Archipelago*. New York : Modern Indonesia Project
- Djamily, Bachtiar. 1978. *Hidup dan Perjuangan Adam Malik*. Kuala Lumpur : Pustaka Melayu Baru
- Harahap, Basyral Hamidy. 1998. *Kejuangan Adam Malik (1917-1984)*. Jakarta: Penerbit Yayasan Adam Malik
- Johan Saravanamuttu. 2010. *Malaysia's Foreign Policy the First Fifty Years*. Singapore: Institute Southeast Asian Studies
- Jones, Matthew. 2002. *Conflict and Confrontation in South East Asia, 1961-1965*. UK : Cambridge Press
- Jones, Howard Palfrey. 1977. *Indonesia : The Possible Dream*. Ayu Mas PTE.LTD : Singapore
- Kunaseelan Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Leifer, Micheal. 1981. *Asean and the Security of South-East Asia*. London & New York : Routledge
- Poulgrain, Greg. 2014. *The Genesis of Konfrontasi Malaysia, Brunei and Indonesia 1945-1965*. Malaysia : Strategic Information and Research Development Centre
- ibid. 2015. *The Incubus of Intervention, Conflicting Indonesia Strategic of John F.Kennedy and Allen Dulles*. Malaysia : Strategic Information and Research Development Centre
- Ricklefs, M.C. 2008. *Sejarah Indonesia Modern 1200-2008*. Jakarta : Serambi
- Salam, Solichin. 1990. *Adam Malik dalam Kenangan*. Jakarta : Penerbit Yayasan Adam Malik
- Leifer, Micheal. 1981. *Asean and the Security of South-East Asia*. London & New York : Routledge
- Paridah Abd Samad. 1988. *Political Biography, a Phenomenon in Malaysian Politics*. Kuala Lumpur : Affluent Master Sdn. Bhd,

Ricklefs, M.C. 2008. *Sejarah Indonesia Modern 1200-2008*. Jakarta : Serambi

Dr. Mohd Bin Samsudin & Ridayani Simanjuntak
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: moss@ukm.edu.my